

PELANTIKAN PENERUSI BAHARU LEMBAGA PENGARAH BANK ISLAM

KUALA LUMPUR, Rabu, 29 Julai 2020: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini mengumumkan pelantikan Pengerusi baharunya, Tan Sri Dr Ismail bin Haji Bakar berkuat kuasa 1 Ogos 2020. Tan Sri Dr Ismail bin Haji Bakar menggantikan Datuk Zamani Abdul Ghani yang bersara dari Bank pada 1 Mac 2020 setelah berkhidmat selama 9 tahun.

Tan Sri Dr Ismail bin Haji Bakar pernah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara ke-14 pada 29 Ogos 2018 sebelum bersara pada bulan Disember 2019. Beliau mempunyai pengalaman lebih dari 30 tahun dalam perkhidmatan awam setelah memegang beberapa portfolio penting termasuk Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pengangkutan serta Pengarah Belanjawan di Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan. Beliau juga merupakan Penasihat Kanan kepada Kumpulan Bank Dunia, Washington DC dari tahun 2008 hingga 2010.

Tan Sri Dr Ismail bin Haji Bakar berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya, dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan serta Doktor Falsafah dari University of Hull, United Kingdom.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengerusi, Datuk Zamani Abdul Ghani atas sumbangannya yang sungguh bermakna dalam memajukan Bank Islam. Kami amat berbesar hati mengalu-alukan Tan Sri Dr Ismail sebagai Pengerusi baharu lembaga pengarah. Dengan pengetahuan dan pengalamannya yang luas dalam pelbagai portfolio, pelantikan ini tepat pada masanya kerana Bank sedang melakar perjalanan masa hadapannya untuk menjadikan Bank Islam sebagai bank pilihan utama dalam negara. Kami berharap kepemimpinan beliau akan membawa Bank ke tahap yang lebih tinggi".

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.bankislam.com

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

| | |
|--|--|
| Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com | Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com |
|--|--|